

KEMPEN e-SEDEKAH BANK RAKYAT 2026

TERMA DAN SYARAT

Kempen e-Sedekah (Kempen) ini dianjurkan oleh Bank Rakyat. Dengan menyertai Kempen ini, peserta yang layak harus membaca dan memahami sepenuhnya dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat yang terkandung di sini.

A. Kelayakan Kempen

1. Kempen ini terbuka kepada masjid/surau yang mempunyai Akaun Semasa-i Elektronik Bank Rakyat dan mendaftar i-MerchantRAKYAT.
2. Akaun dan perkhidmatan yang layak untuk Kempen ini adalah seperti berikut (Produk Yang Layak):
 - i. Akaun Semasa-i Elektronik
 - ii. i-MerchantRAKYAT
3. Peserta digalakkan untuk melanggan i-bizRAKYAT bagi memudahkan urusan transaksi perbankan.
4. Peserta yang mempunyai sebarang tunggakan, keingkaran atau tindakan guaman terhadap kemudahan sedia ada atau pembiayaan dengan Bank semasa tempoh kempen TIDAK layak untuk menyertai kempen ini.

B. Tempoh Kempen

1. Tempoh Kempen bermula dari 1 Mac 2026 sehingga 30 Jun 2026 (Tempoh Kempen).
2. Bank Rakyat boleh menukar atau meminda tempoh Kempen (melanjutkan, memendekkan atau memberhentikan) sekiranya perlu pada bila-bila masa.

C. Mekanisme & Hadiah Kempen

1. Terdapat **dua (2) kategori** untuk Kempen ini:

i. KATEGORI 1 : Imbas & Sedekah

- a) Masjid/surau hendaklah menerima derma sedekah melalui kod QR i-MerchantRAKYAT sahaja.
- b) Masjid/surau perlu memenuhi bilangan transaksi derma sedekah melalui kod QR i-MerchantRAKYAT setakat 30 Jun 2026, bagi berpeluang untuk memenangi hadiah wang tunai:

Kategori	Penyertaan	Bil. Pemenang	Hadiah Wang
500 – 1,000 transaksi	SATU (1) masjid/surau hanya layak mendapat 1 penyertaan untuk cabutan hadiah	4 pemenang x 14 negeri = 56 pemenang	RM100
1,001 – 3,000 transaksi		8 pemenang x 14 negeri = 112 pemenang	RM150
3,001 transaksi ke atas		12 pemenang x 14 negeri = 168 pemenang	RM200

- c) Hadiah wang akan dikreditkan ke dalam Akaun Semasa-i Elektronik masjid/surau yang layak selepas Tempoh Kempen.
- d) Masjid/surau hendaklah memastikan bahawa kod QR yang dipaparkan di masjid/surau bagi tujuan Kempen ini adalah kod QR milik masjid/surau yang betul. Penderma juga dikehendaki memastikan bahawa kod QR yang digunakan adalah benar dan kepunyaan masjid/surau berkenaan.

ii) **KATEGORI 2: Penambahan Baki Akaun**

a) Prasyarat:

Masjid dan surau perlu memastikan baki minimum akaun pada akhir Tempoh Kempen, 30 Jun 2026 adalah seperti berikut:

* Kategori Masjid/Surau	Baki Minimum Kelayakan
Besar	RM10,000
Kecil	RM3,500

**Definisi Kategori Masjid/Surau:*

- Masjid/Surau Besar = Masjid/surau dengan baki akhir minimum RM10,000 dan ke atas pada akhir Tempoh Kempen.
- Masjid/Surau Kecil = Masjid/surau dengan baki akhir kurang daripada RM10,000 pada akhir Tempoh Kempen.

b) Mekanisme:

Setiap penambahan baki dalam akaun akan melayakkan 1 penyertaan untuk cabutan hadiah selepas tamat Tempoh Kempen:

Masjid/ Surau	Mekanik	Penyertaan
Besar	Setiap RM3,000 penambahan baki semasa Tempoh Kempen	1 penyertaan
Kecil	Setiap RM1,000 penambahan baki semasa Tempoh Kempen	1 penyertaan

c) Ilustrasi (Kategori 2) bagi pengiraan penyertaan:

Masjid/ Surau	PRA-SYARAT	PENAMBAHAN BAKI (RM)			Penyertaan
	Besar: RM10,000 Kecil: RM3,500	MEB Sebelum Kempen (28/2/2026) (i)	MEB Selepas Kempen (30/6/2026) (ii)	Panambahan Baki (RM) (ii) – (i)	
A (<i>Besar</i>)	RM25,000	RM12,000	RM25,000	RM13,000	4 penyertaan

Masjid/ Surau	PRA-SYARAT	PENAMBAHAN BAKI (RM)			Penyertaan
	Besar: RM10,000 Kecil: RM3,500	MEB Sebelum Kempen (28/2/2026) (i)	MEB Selepas Kempen (30/6/2026) (ii)	Panambahan Baki (RM) (ii) – (i)	
B (<i>Besar</i>)	RM12,500	0 (tiada akaun)	RM12,500*	RM12,500	4 penyertaan
C (<i>Kecil</i>)	RM5,000	RM1,000	RM5,000	RM4,000	4 penyertaan
D (<i>Kecil</i>)	RM2,500	N/A	N/A	N/A	Tidak layak
E (<i>Kecil</i>)	RM4,500	0 (tiada akaun)	RM4,500*	RM4,500	4 penyertaan

*Akaun dibuka semasa Tempoh Kempen.

d) Hadiah bagi **Kategori 2** adalah mengikut wilayah seperti berikut:

WILAYAH	BIL. PEMENANG	HADIAH BAGI SETIAP WILAYAH
Wilayah 1: Selangor	6	Masjid/ Surau Besar: 1st Prize: RM2,000 2nd Prize: RM1,500 3rd Prize: RM1,000 Masjid/ Surau Kecil: 1st Prize: RM1,000 2nd Prize: RM500 3rd Prize: RM300
Wilayah 2: Kuala Lumpur/Putrajaya	6	
Wilayah 3: Johor	6	
Wilayah 4: Melaka/Negeri Sembilan	6	
Wilayah 5: Kedah/Perlis/Pulau Pinang	6	
Wilayah 6: Kelantan/Terengganu	6	
Wilayah 7: Pahang	6	
Wilayah 8: Perak	6	
Wilayah 9: Sabah	6	
Wilayah 10: Sarawak	6	
Jumlah Pemenang	60	

- e) Pemenang bagi kedua-dua Kategori Kempen ini akan dipilih selepas tamat Tempoh Kempen.
- f) Pemilihan pemenang akan ditentukan oleh Bank Rakyat melalui Jawatankuasa yang dilantik oleh Bank Rakyat untuk Kempen ini.
- g) Setiap masjid/surau hanya layak untuk memenangi satu hadiah bagi setiap Kategori. Hadiah bagi Kategori 1 dan Kategori 2 boleh dimenangi oleh satu (1) akaun masjid/ surau.
- h) Bank Rakyat boleh menggantikan hadiah sedia ada dengan hadiah lain yang setara (jika perlu) dengan memberi notis kepada pemenang. Hadiah tidak boleh

dipindah milik kepada mana-mana pihak ketiga dan tidak boleh ditukar.

- i) Semua keputusan adalah muktamad dan tiada surat-menyurat, pertikaian dan rayuan akan dilayan. Pemenang akan dimaklumkan melalui khidmat pesanan ringkas (SMS), panggilan telefon atau sebarang kaedah lain yang sesuai oleh Bank Rakyat.

D. Terma dan Syarat Am

1. Dengan menyertai Kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju dan membenarkan data peribadi mereka dikumpulkan, diproses dan digunakan oleh Bank Rakyat mengikut Notis Privasi Bank Rakyat, yang boleh dilihat di laman sesawang rasmi Bank Rakyat.
2. Peserta atau pelanggan bersetuju memberi hak eksklusif kepada Bank Rakyat untuk mencetak atau menyiarkan nama dan gambar penerima hadiah untuk tujuan promosi dalam akhbar, majalah, laman sesawang korporat Bank Rakyat atau mana-mana saluran media yang bersesuaian.
3. Dengan menyertai Kempen ini, peserta atau pelanggan bersetuju untuk membenarkan Bank, anak-anak syarikat, sekutu, pemegang lesen, pengarah, pegawai, ejen, kontraktor bebas dan agensi pengiklanan menggunakan nama pelanggan dan butiran peribadi (jika diperlukan) untuk tujuan komunikasi, promosi, secara keseluruhan, dalam mana-mana dan semua media sekarang atau yang telah dirancang, tanpa bayaran tambahan, melainkan jika dilarang oleh undang-undang.
4. Melainkan diperuntukkan secara khusus atau sebaliknya, Bank boleh meminda, membatalkan atau menambah Terma dan Syarat ini dari semasa ke semasa dengan memberi notis terlebih dahulu di laman sesawang Bank atau medium komunikasi yang bersesuaian dan sebarang pindaan, pembatalan atau penambahan itu akan berkuat kuasa selepas notis dikeluarkan.
5. Bank Rakyat boleh menolak dan/atau mengeluarkan sebarang penyertaan yang tidak tepat, tidak lengkap, mencurigakan dan tidak sah serta tidak memenuhi -syarat seperti yang dinyatakan dalam Terma dan Syarat.
6. **PENAFIAN: TERTAKLUK KEPADA APA YANG DIBENARKAN OLEH UNDANG-UNDANG, BANK RAKYAT DAN ANAK SYARIKATNYA TIDAK AKAN BERTANGGUNGJAWAB KEPADA PELANGGAN ATAU PENDEPOSIT ATAU MANA-MANA PIHAK KETIGA (KECUALI UNTUK LIABILITI YANG TIMBUL DARIPADA KECUAIAN MELAMPAU, SALAH LAKU, SENGAJA, FRAUD ATAU KEINGKARAN SENGAJA BANK RAKYAT) UNTUK KEROSAKAN LANGSUNG, TIDAK LANGSUNG, KHAS, SAMPINGAN, GANTI RUGI TAULADAN ATAU AKIBAT KEROSAKAN (TERMASUK KEHILANGAN PENGGUNAAN, DATA, PERNIAGAAN ATAU KEUNTUNGAN) YANG TIMBUL DARIPADA ATAU BERKAITAN DENGAN PENYERTAAN ANDA DALAM KEMPEN INI, SAMA ADA LIABILITI TERSEBUT**

BERLAKU BERPUNCA DARIPADA APA-APA TUNTUTAN BERASASKAN KEPADA KONTRAK, JAMINAN, TORT (TERMASUK KECUAIAN), LIABILITI KETAT ATAU SEBALIKNYA DAN SAMA ADA PELANGGAN ATAU PENDEPOSIT TELAH DINASIHATKAN ATAU TIDAK KEMUNGKINAN KERUGIAN ATAU KEROSAKAN BOLEH BERLAKU.

7. Bank Rakyat tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kemungkinan yang disebabkan bencana alam, peperangan, rusuhan, perintah berkurung, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik, pandemik, kegagalan sistem atau sebarang situasi di luar kawalan Bank Rakyat.
8. Dengan menyertai kempen ini, peserta atau pelanggan dianggap telah membaca, memahami dan bersetuju untuk menepati terma dan syarat yang terkandung di sini, termasuk keputusan yang dibuat oleh Bank Rakyat yang dianggap muktamad, terikat dan menyeluruh.
9. Terma dan Syarat ini tertakluk dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia. Untuk maklumat dan pertanyaan lanjut, sila hubungi pusat panggilan di talian 1300 80 5454; atau kunjungi mana-mana cawangan Bank Rakyat; atau layari laman sesawang rasmi Bank Rakyat.